

11/01/1998

Henti sebar khabar angin

KUALA LUMPUR: Naib Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishamuddin Tun Hussein, meminta pihak yang menyebarkan khabar angin kononnya anak Perdana Menteri cuba membunuh diri, supaya menghentikan perbuatan itu.

Beliau yang mengenali kedua-dua anak Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Mirzan dan Mokhzani secara peribadi, berkata kedua-duanya sihat dan tenang menghadapi kegawatan ekonomi yang melanda negara ketika ini.

"Saya baru berjumpa mereka di majlis berbuka puasa dengan Perdana Menteri di Sri Perdana, Rabu lalu."

"Kedua-duanya sihat. Bukan seperti yang diheboh-hebohkan kononnya terlantar sakit. Mirzan dan Mokhzani juga memberitahu saya yang mereka menerima banyak panggilan telefon daripada rakan-rakan yang bertanyakan khabar berikutan cerita yang tidak bertanggungjawab itu," katanya ketika dihubungi, semalam.

"Ini adalah spekulasi jahat yang dilakukan pihak tertentu untuk kepentingan peribadi," katanya.

Kelmarin, Perdana Menteri turut meminta rakyat tidak mempercayai khabar angin kerana ia hanya mendatangkan masalah kepada rakyat dan negara.

Sambil menyuarakan kekesalannya dengan fenomena itu, Dr Mahathir berkata, beliau tidak memahami mengapa rakyat masih mempercayai khabar angin sedangkan kerajaan selalu membuat kenyataan yang terbukti benar.

(END)